

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' AB BASIR BIN MOHAMAD
PERANAN JABATAN PENJARA
PENGARAH PENJARA NEGERI PAHANG

DISEDIAKAN OLEH:
(AINA NADIA BINTI ZAILANI)
(2020768851)
(SITI AISYAH IZZATI BINTI NORDIN)
(2020138585)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604: PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan segala pujian bagi Allah, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini lebih lagi kami berterima kasih sangat kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada kami didalam menyiapkan projek ini kerana membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau cukup memberikan informasi yang sempurna padat dan lengkap dengan itu, kami dapat melakukan tugas ini dengan baik sekali. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Ab Basir bin Mohamad kerana tanpa kerjasama beliau, tugas ini tidak dapat kami siapkan dengan jayanya. Kami juga ingin berterima kasih kepada Dato' Ab Basir bin Mohamad kerana telah memberi ruang dan peluang untuk kami mendokumentasikan hasil dan jasa sumbangan beliau selama ini kepada negara, selain itu temubual ini dilakukan untuk mengetahui, peranan jabatan penjara serta perjalanan hidup beliau dan juga sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat.

Kami amat bersyukur kerana tugas ini dapat menaikkan tahap pemahaman dan informasi yang baru yang berkaitan dengan tugas ini. Walhal, peningkatan pemahaman kami terhadap topik ini semakin bertambah serta kami dapat menambah baikkkan diri kami didalam tugas ini. Justeru itu, tidak lupa juga kepada rakan tauladan kami yang tidak kedekut ilmu dalam membincangkan perkara ini bersama- sama. Alhamdulillah dengan jayanya kami dapat menyiapkan tugas ini pada masa yang tepat.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	i
Isi kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii-iv
Biodata Tokoh.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian A: Latar belakang tokoh.....	1-2
Bahagian B: Sejarah Pendidikan.....	3-4
Bahagian C: Pengalaman Kerjaya.....	5-6
Bahagian D: Sejarah Pengalaman.....	6-11
Bahagian E : Peranan Jabatan Penjara Malaysia.....	11-14
Bahagian F : Sumbangan dan Pencapaian.....	14-16
Bahagian G: Harapan.....	16-21
Lampiran	
Log Wawancara.....	22-25
Diari Kajian.....	26-27
Senarai soalan.....	28-30
Surat Perjanjian.....	31
Indeks.....	32-33

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini dilakukan bersama Pengarah Penjara Negeri Pahang iaitu Dato' Ab Basir bin Mohamad wawancara ini dikendalikan oleh Siti Aisyah Izzati Binti Nordin dan Aina Nadia Binti Zailani, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat, Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) semester 5, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Kampus Machang, Kelantan. Beliau merupakan Pengarah Penjara Negeri Pahang. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui, peranan jabatan penjara serta perjalanan hidup beliau dan juga sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat. Dato' Ab Basir bin Mohamad telah dilantik sebagai Pengarah Penjara Negeri Pahang. Selain itu juga, beliau juga telah menerima kunjungan daripada Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Pahang, Mej Khairul Ashinar bin Azid @Aziz TUDM telah membuat kunjungan hormat kepada Pengarah Penjara, Negeri Pahang, YBhg Dato' Ab Basir bin Mohamad. Kunjungan hormat ini adalah untuk menjalinkan hubungan baik dengan jabatan kerajaan yang lain dan juga bertukar pandangan serta pendapat. Oleh itu, sumbangan dan sejarah hidup beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada orang ramai.*

Kata kunci: *Dato' Ab Basir bin Mohamad, peranan, Jabatan Penjara Malaysia, pengalaman, pemulihan*

BIODATA TOKOH

PENGENALAN

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Aina Nadia Binti Zailani dan Siti Aisyah Izzati Binti Nordin bersama Dato' Ab Basir Bin Mohamad mengenai peranan beliau sebagai ketua penjara Pahang dan peranan Jabatan Penjara Malaysia serta sumbangan beliau. Temubual ini dijalankan di online platform iaitu Google Meet pada 15 Julai 2021. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk

DAB: Dato' Ab Basir

AN: Aina Nadia

SAI: Siti Aisyah Izzati

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

SAI: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh. Bersama- sama kami ialah DATO' AB BASIR BIN MOHAMAD yang merupakan seorang Pengarah Penjara Negeri Pahang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 Julai bersamaan dengan hari khamis pada pukul 4.30 petang bertempat platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Aina Nadia Binti Zailani dan Siti Aisyah Izzati Binti Nordin. Dengan segala Hormatnya, temubual ini dimulakan.

SAI: Apakah nama penuh Dato' dan nama panggilan Dato'?

DAB: Assalamualaikum WBT, saya Dato Ab Basir bin Mohamad pengarah penjara Negeri Pahang. Saya berumur [59] tahun dan berkhidmat di jabatan penjara selama *sepuluh tahun* [10] tahun dan berkhidmat di jabatan penjara negeri pahang sebagai pengarah. Dato Basir nama ringkas (ketawa)

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

SAI: Sewaktu di sekolah rendah dan menengah Dato' bersekolah dimana?

DAB: Saya masa itu di tingkatan *satu* [1] tahun [1969] sekolah rendah menengah

Hamzah, sekolah rendah jenis kebangsaan Dato' Hamzah Machang, Kelantan.

Saya belajar di sana sampai darjah *enam* [6] dan selepas saya tingkatan *satu* [1]

sekolah menengah Hamzah dan itu sejarah persekolahan saya lah.

SAI: Apakah cita-cita Dato sewaktu di bangku sekola dahulu?

DAB: Cita cita saya nak jadi pemandu lori (ketawa) itulah cita cita saya sewaktu

sekolah.

SAI: Setelah menamatkan zaman persekolahan, dimanakah Dato' melanjutkan pengajian?

DAB: Saya lepas tamat sekolah menengah, saya pergi ke Universiti Pertanian

Malaysia tahun [1980], mengambil program Diploma Pertanian. Selepas *tiga*

[3] tahun selesai dalam Diploma Pertanian saya sambung pelajaran peringkat

ijazah dalam bidang sains ekonomi sumber tamat *pada tahun [1986]*.

SAI: Adakah Dato' aktif sewaktu di Universiti dahulu?

DAB: Aktif persatuan atau sukan?

SAI: Dua dua

DAB: Dua dua, mengikut persatuan saya aktif juga dalam jawatan kelas dan sukan ni

hanya mewakili dalam pengalaman bola sepak, ragbi sebagai pemain simpanan

(ketawa)

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

SAI: Selain itu, sebaik sahaja menamatkan pelajaran di universiti bolehkah Dato' kongsikan kerjaya pertama yang Dato' ceburi selepas tamat pengajian dan bagaimana Dato' mendapatkan pekerjaan tersebut?

DAB: Lepas saya tamat pelajaran diploma pertanian saya telah ditawarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia untuk berkhidmat sebagai pembantu pertanian di Kota Bharu, Kelantan dan ditempatkan di Jabatan Pertanian Daerah di Bachok selama *tiga* [3] bulan lepas itu saya menyambung pelajaran. Selepas tamat program ijazah, saya mohon kerja sambilan dikenali sebagai khidmat siswazah yang dibayar elaun tahun pertama selama *empat* [4] tahun saya kerja disana bayaran selama sebulan. Selepas *lima* [5] tahun elaun diturunkan kepada para pengiring jadi tiada masalah dan saya ditawarkan masuk berkhidmat sebagai pengarah penjara Pahang, Malaysia.

SAI: Pada ketika itu, sewaktu di Jabatan Pertanian apakah tanggungjawab yang digalas ketika itu?

DAB: Jadi Jabatan Pertanian, sewaktu pembantu pertanian saya diajar tugas pertanian oleh ketua saya jadi saya bertanggungjawab melakukan tugas dan saya menyelia beberapa orang universiti pertanian untuk membantu pertanian pertanian, melawat tempat tempat pertanian dan sebagainya.

SAI: Jika tidak keberatan bolehkah Dato' kongsikan cabaran yang telah Dato' hadapi sepanjang kerjaya Dato'?

DAB: Di penjara? Di jabatan penjara?

lah. Dan jadi pengalaman saya selama saya bertugas *pada tahun [1991]* di tempat tahanan perlindungan Kamunting, Taiping dimana sewaktu itu tempat tahanan [ISA] tentang masalah hal negeri pada waktu itu tahanan-tahanan di samping orang tahanan [ISA] kita ada juga tahanan-tahanan bebas pada waktu itu. Jadi, [ISA] merupakan tahanan-tahanan yang dibawah ketenteraan tentang ekonomi negara yang melibatkan kesejahteraan agama islam dan juga melibatkan tahanan-tahanan yang telah mengganggu tugas kestabilan Malaysia dari segi keselamatan yang mengganggu keselamatan. Jadi *pada tahun [1991]* ramai orang tahanan gerak pentas PKM [Pusat Komunis Malaysia] kerana mereka telah mengenai tentang kelayakan mereka dan tidak silap saya hampir didalam [120] orang didalam komunis dimana majoritinya adalah lelaki dan ada juga wanita didalam *tujuh [7]* hingga *lapan [8]* orang dan disamping itu, tahanan-tahanan lain yang terlibat didalam pemalsuan immigration dan dibawa memasuki menyeluduki IC, IC palsu selepas tahanan dibebaskan, jadi ada masa setahun ditempatkan di Kamunting dan untuk kerja kerjaya yang profesional dan juga didalam bidang pertanian. Jadi itulah pertama, lepas itu saya ceritakan tentang pengalaman semua sehingga sekarang lah ya? Boleh ya?

AN: Ya, boleh boleh teruskan.

DAB: *Pada tahun [1996]*, saya ditukarkan ke naik pangkat ke penjara Taiping salah satu penguatkuasa oleh Allahyarham Abu Bakar. Saya disana selama dalam sekitar *tujuh [7]* bulan dan saya ditukarkan ke Sandakan. Di Taiping, di sana boleh dikatakan banduan-banduan lelaki dijatuhkan hukuman, hukuman mati, hukuman ringan, hukuman lain dan sebagainya dan terdiri dari pelbagai kaum dan selepas saya *tujuh [7]* bulan di penjara Taiping saya ditukarkan ke penjara Sandakan, Sabah selaku pegawai menjaga di Sandakan, Sabah semasa *tahun*

banduan yang saya kenal termasuk ketua ketuanya lah, tak hafal nama-namanya jadi dia merupakan semuanya warga Filipina yang masuk atas jenayah berat berada di penjara *tujuh*[7] hingga *lapan*[8] tahun berada di penjara Sandakan sehingga ada sedara mara, kawan kawan. Jadi kerana itu, saya rasa kasihan saya melawat sebulan sekali tapi pada waktu itu dia ambil peluang lah untuk bagi terlepas. Jadi perancangannya saya melawat dia dan sambil dia memegang kayu dan menangkap saya terdapat senjata seperti pisau dan sebagainya dia akan bunuh saya lah. Jadi itu perancangan dia tapi masa tidak mengizinkan saya selamat jadi dapat tangkap lah semua orang dan dikena tangkap dalam pukul tengahari kita gari dan kegiatan ini mengambil masa *empat* [4] hari malam *empat* [4] malam berterusan tak berhenti jadi ada pasukan penangkap, jadi semua banduan ini ditangkap ada yang dihantar ke penjara semenanjung, Taiping dan ada dihantar ke Sarawak dan ada di hantar ke Daerah Tawau jadi saya rasa itu satu lah. Jadi itulah pengalaman seronoknya saya di Sabah semasa saya disana saya menitikberatkan keagamaan yang elok bagi yang muslim, yang kristian adalah agama dia, jadi ada ramai juga banduan banduan yang menghantar permohonan di tempat tempat lama. Jadi ada manfaat semasa berada disana salah satunya adalah dapat belajar disana dan ada banduan yang telah pengalaman convert [tukar] dan ada minat disana mendapat dalam masa yang agak singkat dalam *dua*[2] tahun boleh mengaji dan macam macam lah. Selepas itu, *pada tahun [2001]* saya ditempatkan di Semenanjung, bandar Taiping dan bertugas di Kamunting sebagai pengarah penjara Kamunting jadi saya mengambil peluang ini, saya pergi ke penjara Taiping kerana ada banduan yang cuba yang nak ugut saya dihantar ke penjara Taiping tetapi kerana saya dapat berjumpa dia dan berjumpa pengarah pengarah dan tertanya tanya apa

dan diarahkan bertukar di Johor Bharu jadi saya merayu samada di luar bandar atau didalam bandar jadi saya pilih di tempat saya dan belajar sepenuh masa tetapi agak mustahil jadi saya belajar di luar semester tapi apa boleh buat dan sekarang di Johor Bharu la.

AN: Apakah pandang perspektif yang positif tentang kerjaya Dato' terhadap diri Dato'?

DAB: Oh, pertama yang positif semasa di penjara jadi saya simpan didalam diri saya, saya patut menerima patuhan undang undang , itulah yang saya harapkan kepada anak anak saya pada peraturan kena patuh benda yang betul.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PERANAN JABATAN PENJARA MALAYSIA.

SAI: Okay, seterusnya beralih pula kepada soalan peranan Jabatan Penjara Malaysia. Apakah pandangan Dato' tentang penjara dalam konteks masa kini, dari segi kewujudannya untuk menguatkuasakan hukuman, untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat?

DAB: (mengangguk) Okay pertama sekali, perkembangan Jabatan Penjara daripada saya mula masuk sehingga ke hari ini cukup lain, cukup maju berbanding dengan dulu [dahulu]. Pada hari ini, dengan kehadiran seperti sumber manusia, para pegawai, anggota-anggota diamana adalah berpelajaran, berfikiran terbuka, bersedia menyahut perubahan- perubahan yang positif. Dan pada hari ini, dengan kepimpinan baru [baharu] yang agak berbeza dengan yang dulu [dahulu] tahun lapan puluh [80]-an, sembilan puluh [90]-an dahulu orang- orang lama, jadi orang kata itulah walaupun tidak sempurna, tapi kita teruskan juga apa

kedua, menjalankan pemulihan kepada banduan supaya mereka menjadi manusia yang proaktif. Dan satu lagi menyediakan suasana pemulihan yang kondusif. Dan pada hari ini, pelaksanaan misi ini bagi saya, berjaya mencapai matlamat kerana jabatan menyediakan semua. Satu dari segi tenaga, dua pegawai-pegawai bidang masing masing, psikologi ada, ustaz ada, pegawai agama untuk bagi ceramah dan sebagainya, vokasional dalam bidang masing-masing.

SAI: Jika tidak keberatan, bolehkah Dato' kongsikan apakah cabaran utama jabatan penjara malaysia pada masa kini dan apakah strategi-strategi jabatan penjara untuk menghadapi cabaran ini?

DAB: Cabaran utama? Cabaran utama adalah untuk memulihkan banduan-baduan, itu merupakan cabaran utama. Dari segi keselamatan, bagi saya kita sudah ada peralatan yang cukup dan dari segi pemulihan, kita masih memerlukan kepakaran-kepakaran, pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas masing-masing, terutamanya dalam segi psikologi. Walaupun dah [sudah] ada, tapi [tetapi] bilangannya tak [tidak] mencukupi. Dan juga cabaran satu lagi, untuk meningkatkan kemahiran. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang pemulihan, ramai yang tidak mengikuti secara formal punya latihan, ramai yang bidang terjun. Dan juga satu lagi cabaran dari segi anggota-anggota, dari segi bilangan mereka. Ada yang selalu mintak [minta] tukar yang menjadi masalah, ada yang minta berhenti kerja dan sebagainya. Jadi apa-apa pun, walaupun ada kekurangan, kita semua menghadapi cabaran ini dengan secepat mungkin. Dan satu lagi apa tadi? Cabaran? Lagi?

kerjasama yang diberi. Dan yang kedua, sumbangan saya yang bagi saya dekat penjara, saya cuba buat yang terbaik. Buat apa yang saya boleh buat, selagi boleh buat kita akan buat. Dan pada hari ini, saya juga ada membuat apa untuk kebaikan jabatan, di samping memberi latihan kepada banduan, kita membuat sabun. Sabun pencuci, *homemade* [buatan sendiri] *softener* [pelembut pakaian], dan juga *dishwasher* [pencuci pinggan], *dish chemicals* [bahan kimia pinggan] kiranya, pencuci pinggan mangkuk dan *supply* [membekalkan] kepada seluruh penjara di Semenanjung. Jadi ini dapat menjimatkan ratusan-ratus ribu duit kerajaan. Daripada membeli sabun, kita buat sendiri. Selain itu, macam biasa, kita cuba tingkatkan imej jabatan, kepada masyarakat. Dan memberitahu masyarakat kewujudan Jabatan Penjara pada harini berbeza dengan masa dulu [dahulu].

SAI: Kalau tak keberatan, boleh tak Dato' kongsi pencapaian, macam anugerah yang Dato' peroleh sepanjang kerjaya Dato'?

DAB: Okay saya pertamanya, anugerah khidmat cemerlang. Saya dapat tiga [3] kali.

Tiga [3] ke empat [4] kali khidmat cemerlang. Lepas tu [itu], saya juga dapat pingat daripada empat negeri di Kelantan, Pulau Pinang, Sabah dan Pahang, yang terakhir di Pahang. Jadi itulah orang kata pengiktirafan-pengiktirafan yang saya perolehi sepanjang kerjaya. Khidmat cemerlang dah tiga [3] kali, tahun ni saya dapat yang tahun lepas punya, tahun ni dapat pengiktirafan Inshaallah [dengan izin tuhan].

AN: Harapan yang masih belum tercapai hingga ke hari ini.

DAB: Bagi saya, semua dah [sudah] tercapai. Cuma, harapan saya? Harapan saya Jabatan Penjara lebih berperanan, lebih orang kata lebih berjaya dari segi pemulihan banduan, terutama hari ini dengan negara kita adalah kes penggunaan dadah di kalangan remaja-remaja dan juga orang dewasa. Jadi, mereka ini menyebabkan masalah dalam kalangan masyarakat hari ini. Jadi kalau harapan untuk masa depan pemulihan, dimana pesalah-pesalah dadah memerlukan perhatian, dorongan, motivasi daripada Jabatan Penjara Malaysia, dengan adanya pegawai yang berkonsisten dari segi kemahiran masing-masing dapat memulih banduan pada masa akan datang. Itu lah harapan saya semoga Jabatan Penjara Malaysia menjadi lebih dihormati, lebih bagus dalam penyampaian perkhidmatan ini, dan juga berjasa kepada masyarakat di negara kita.

AN: Okay terima kasih Dato' kerana sudi bercerita kepada kami, dengan ini tamatlah

SAI: Aina, kejam ya. Nak tanya satu soalan lagi boleh tak? Tentang peranan penjara tu [itu], apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Penjara dalam memastikan banduan berada di dalam emosi yang stabil. Contohnya, ada tak program atau aktiviti yang dijalankan .

DAB: Okay jadi proses dia, apabila banduan ini berada di dalam penjara kita ada satu tugas psikologi untuk mengukur dari segi ketahanan, ketahanan perasaan *depression* [tekanan perasaan]. Kita menggunakan KYKO, *know yourself know others* [kenali diri anda, kenali orang lain]. Jadi disini, kita dapat mengetahui sifat banduan dan juga dari segi tekanan. Tapi bagi orang kata untuk kawal emosi ni [ini], memang dimasukkan dalam pemerhatian, terutamanya mereka

meraka ditangkap dan didakwa, mereka telah contohnya, keluarga mereka rasa besar sangat kesalahan anak mereka. Jadi, saya bimbang bila mereka balik ke rumah, bagi salam Assalammualaikum [sejahtera ke atas kamu], mak dia jawa kau dah balik dah? Kau balik buat apa? Jadi apa perasaan mereka? Jadi benda-benda macam ni perlukan persediaan minda, saya bagitahu macam mana banduan itu perlu bersedia? Adakah mereka tetap akan masuk juga, pegang tangan mak dia, cium, mintak maaf, mintak ampun ataupun kembali kepada kegiatan lama, itu yang pertama. Langkah yang kedua, kita galakkan mereka pergi ke surau-surau, ke masjid-masjid yang berdekatan. Dan apabila dia pergi ke masjid, bekas banduan, orang semua akan tengok. Orang akan kata sebelum dia keluar penjara, kunci rumah harga lima [5] ringgit, lepas dengar nak keluar minggu depan mungkin tukar harag dua puluh [20] ringgit, kunci rumah. Takut pecah rumah kan? Lepas itu kalau pergi masjid, orang rasa tak berapa yakin dengan sembahyang dia, nanti kata hilang kipas, hilang kasut, hilang tabung masjid dan sebagainya. Jadi saya mintak dia istiqomah, belajar dan sebagainya. Jangan berpura-pura, jadi apabila menghadapi suasana begini. Dia telah membuktikan bahawa diri dia telah pulih, itu sahaja. Bukan masyarakat tak nak terima, tapi masyarakat rasa ragu-ragu. Bila dia dapat membuktikan diri dia telah pulih, dia akan diterima. Begitu juga dengan, satu lagi cabaran saya kata sebelum ini. Apabila balik ke rumah ini, kawan-kawan lama ada. Jadi kawan-kawan lama ada memang dia akan cari. Jadi itulah dari segi kebijaksanaan untuk menolak keinginan dan sebagainya. Jadi nyatakan saya telah berubah saya tanak hisap, tak nak hisap dadah. Jadi Insyaallah [dengan izin tuhan], kawan-kawan ni walaupun dia masih lagi, dah ada dalam pemikiran mereka yang dia dah tak nak dah, jadi harapan tu dah turun. Jadi,

SAI: Inshaallah [dengan izin tuhan]

DAB: Siapa lagi tu?

SAI: Izzani.

DAB: Izzani, kirim salam. Okay Assalamualaikum [sejahtera ke atas kamu]

(senyum).

AN: Waalaikumussalam. [sejahtera ke atas kamu juga]

TAMAT BAHAGIAN G

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

MASA	PERKARA	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
08.09- 9.50	Menceritakan tentang kerjaya pertama yang beliau ceburi selepas tamat pengajian	1. Pembantu pertanian di Kota Bharu, Kelantan. 2. Jabatan Pertanian Daerah
9.52-10.30	Menceritakan tentang tanggungjawab beliau sewaktu berkhidmat di Jabatan Pertanian.	1. Jabatan Pertanian 2. Universiti Pertanian
10.56-12.10	Menceritakan cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya beliau di penjara.	1. Penjara 2. Menberi dorongan dan motivasi kepada banduan.

BAHAGIAN D: SEJARAH PENGALAMAN

MASA	PERKARA	TEMPAT/PERKARA DIRUJUK
12.10-33.31	Menceritakan sejarah dan pengalaman beliau, sepanjang berkhidmat dan bagaimana beliau berminat didalam bidang kerjaya ini.	1. Sabah 2. Pulau Pinang 3. Johor 4. Perak 5. Selangor 6. Kelantan 7. Pahang 8. Kamunting, Taiping. 9. Batang kali 10. Sandakan 11. Filipina 12. Abu Sayyaf

		6. Pingat darjah kebesaran
50.54-51.49	Bercakap tentang meewakili Jabatan ke seminar di luar negara	1. Sichuan, China 2. Thailand 3. Melbourne, Australia 4. Seminar pemulihan banduan

BAHAGIAN G: HARAPAN

MASA	PERKARA	TEMPAT/PERKARA DIRUJUK
52.03-54.26	Bercakap tentang harapan beliau yang maish belum tercapai	1. Jabatan Penjara Malaysia 2. Jabatan Penjara lebih dihormati
54.54-58.18	Bercakap tentang peranan penjara dalam memastikan banduan berada di dalam emosi yang stabil.	1. Kaedah KYKO (know yourself, know others) 2. Khidmat Kaunseling 3. Kemudahan berkomunikasi
58.40-1.02.48	Bercakap tentang peranan beliau dalam memastikan baduan ini diterima oleh masyarakat dan keluarga banduan itu sendiri.	1. Penjara Pahang 2. Masjid 3. Surau
1.02.50-1.04.22	Penutupan sesi temu bual.	

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
4.00 p.m.	8 April 2021	Perbincangan pemilihan tokoh	Memilih beberapa tokoh untuk ditemuduga
3.00 p.m.	11 April 2021	Tokoh dipilih untuk diwawancara	Membuat abstrak berkenaan tokoh tersebut dan akan diberi kepada pensyarah sama ada diterima ataupun tidak
10.00 a.m.	21 May 2021	Tokoh pertama yang dipilih tidak diterima kerana telah meninggal dunia	Tokoh yang lain sedang dicari dan akan menyediakan abstrak yang baru untuk diberi kepada pensyarah.
6 p.m.	29 April 2021	Tokoh kedua telah diterima	Menyediakan proposal untuk tindakan seterusnya
11 a.m.	10 Mei 2021	Menghubungi tokoh kedua berkenaan dan diterima untuk diwawancara	Percubaan untuk menghubungi berjaya.
10.00 a.m.	15 Mei 2021	Menyediakan set soalan	Set soalan sedang dilakukan dan melakukan proses persetujuan bersama pensyarah sama ada boleh diguna pakai ataupun tidak.
4.30 p.m.	9 Julai 2021	Memberikan set soalan untuk diwawancara kepada tokoh berkenaan	Set soalan telah diberikan kepada tokoh untuk diwawancara

SENARAI SOALAN

D. Sejarah pengalaman

Disamping itu, diteruskan dengan sejarah pengalaman, apakah sejarah pengalaman yang Dato' boleh kongsi.

1. Bolehkah Dato' ceritakan bagaimana Dato' berminat didalam bidang kerjaya ini ?
2. Apakah pandang perspektif yang positif tentang kerjaya Dato' terhadap diri Dato'?

E. Peranan Jabatan Penjara Malaysia

1. Apakah pandangan Dato' tentang penjara dalam konteks masa kini, dari segi kewujudannya untuk menguatkuasakan hukuman untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat?
2. Bolehkah Dato' menerangkan dengan sedikit tentang misi, visi dan objektif Jabatan Penjara Malaysia?
3. Didalam konteks keselamatan, bagaimanakah Dato' menggerakkan anggota-anggota Dato' untuk memastikan banduan-banduan berada didalam penahanan yang selamat?
4. Seterusnya didalam konteks pemulihan, bagaimanakah Dato' memastikan bahawa program-program pemulihan ini dapat membantu untuk mencapai misi jabatan penjara Malaysia dalam konteks kesalahan berulang yang mengakibatkan kemasukan semula?
5. Jika tidak keberatan, bolehkah Dato' kongsi tentang usaha- usaha dan juga aktiviti-aktiviti pemulihan yang disediakan oleh jabatan penjara kepada banduan supaya mereka dibebaskan sebagai warga yang produktif?
6. Didalam konteks layanan, bagaimanakah Dato' memastikan bahawa banduan-banduan didalam penjara ini mendapat atau diberi layanan sewajarnya berdasarkan piawaian antarabangsa?
7. Di samping itu, didalam konteks pasyarakatatan pula apakah peranan Dato' didalam memastikan banduan ini dapat diterima oleh keluarga dan masyarakat diluar sana?
8. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Penjara dalam memastikan bahawa banduan berada di dalam emosi yang stabil? Misalnya, apakah diantara aktiviti atau program yang dilakukan kepada banduan ini?
9. Jika tidak keberatan, bolehkah Dato' kongsi apakah cabaran utama jabatan penjara malaysia pada masa kini dan apakah strategi-strategi jabatan penjara untuk menghadapi cabaran ini?

SURAT PERJANJIAN

INDEKS

M

Masyarakat 11, 13, 16, 18, 19, 20, 28, 34, 35

Maharaja Lela 9

Menahan 13

Memulih 13,14, 18

Motivasi 7, 18, 26

Muslim 10

P

Pengalaman 2, 4, 7, 8, 9, 10, 21, 26, 33, 34

Pengarah 2,6, 10, 21, 25

Pengetahuan 13

Peraturan 12

Penjara 2, 6, 7, 8, 10, 12, 13, 14, 18, 19, 20, 21,25, 26, 27, 28, 34, 35

Pesalah 13, 18

Pegawai 3, 8, 12, 14, 18, 27

Pemulihan 13, 14, 17, 18,27, 28, 34

Positif 12, 13, 34

Program 4, 6, 18, 34

Psikologi 13, 14, 18

S

Sumbangan 2, 15, 16, 21, 25, 27, 35,

T

Tahanan 8, 11, 18

Tekanan 5, 18, 19

Taliban 11

Tugas 3, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 14, 18, 27